

Bahagian B

B. Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Keluarga Aliah amat mementingkan penjagaan alam sekitar. Mereka mengamalkan amalan hijau dalam kehidupan seharian.

Setiap kali pergi ke kedai, ibu Aliah akan membawa beg sendiri untuk meletakkan barang-barang yang dibeli. Amalan ini dapat mengurangkan penggunaan beg plastik. Kos pelupusan plastik juga dapat dikurangkan.

Selain itu, mereka juga menjimatkan penggunaan tenaga elektrik. Mereka menggunakan peralatan elektrik yang cekap tenaga. Mereka juga memastikan suis kipas, lampu, dan penyaman udara ditutup jika tidak digunakan.

Keluarga Aliah juga mengamalkan kitar semula. Amalan ini dapat mengurangkan sisa pepejal di tapak pelupusan sampah. Mereka juga dapat menambah pendapatan dengan menjual barang-barang yang dapat dikitar semula di pusat kitar semula.



KOSA KATA

pelupusan: 处理; 销毁

cekap tenaga: 节能

sisa pepejal: 固体废物

pendapatan: 收入

(a) Keluarga Aliah amat mementingkan _____

[1 markah]

(b) Mengapakah ibu Aliah membawa beg sendiri ketika membeli-belah?

[2 markah]

(c) Selain amalan hijau yang diamalkan oleh keluarga Aliah, pada pendapat kamu, apakah amalan hijau lain yang dapat diamalkan untuk menjaga alam sekitar?

Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap. **KBAT**

[3 markah]